

**INDUSTRIAL TRAINING REPORT AT  
TRESCO SHIPPING SDN. BHD., KEMAMAN  
TERENGGANU**

**Disediakan Oleh:**

**WAN BAIZURAH BT WAN HUSIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(MARITIM)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
TRESCO SHIPPING SDN BHD, KEMAMAN,  
TERENGGANU**

**Disediakan oleh**

**WAN BAIZURAH BT WAN HUSIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(MARITIM)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **WAN BAIZURAH BT WAN HUSIN** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



**Nama : WAN BAIZURAH BT WAN HUSIN**

**Tarikh : 24 NOV 2005**

Disahkan Oleh :



**CIK WAN MARIAM BT WAN ABDULLAH**

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pelatih ingin meluahkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia Nya, akhirnya dapat pelatih hasilkan Laporan Latihan Industri sepanjang pelatih menjalani latihan industri di Tresco Shipping selama 12 minggu ini.

Di kesempatan ini juga pelatih ingin mengambil peluang untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Cik Wan Mariam binti Wan Abdullah sebagai penyelia latihan industri KUSTEM, di atas segala tunjuk ajar dan bantuan yang telah diberikan sepanjang tempoh pelatih melibatkan diri dalam latihan industri ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ini juga adalah di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan dalam menyiapkan laporan ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada pihak Tresco Shipping Sdn Bhd di atas kesudian pihaknya mengambil pelatih untuk menjalani latihan industri di syarikat mereka. Ucapan terima kasih ini ditujukan terutamanya kepada Encik Ramli Awang sebagai penyelia latihan industri di organisasi di atas tunjuk ajar sepanjang pelatih menjalani latihan industri di syarikat. Tidak lupa juga kepada pekerja-pekerja syarikat seperti Cik Zakryna Zakaria(ryna), Puan Zakrywati Zakaria(kak ngah), Cik Lina Saphira(kak lina), Cik Najihah, Puan Zainalis(kak lis), En. Nordin, En. Shamsudin(abg Meor), En. Khairulnizam(abg Nizam) dan ramai lagi. Jutaan terima kasih di atas segala

bantuan, bimbingan dan teguran daripada kalian. Kenangan bersama kalian tidak akan pelatih lupakan.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang juga telah memberikan tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang menjalani latihan industri ini. Ucapan ini ditujukan terutama kepada Hasmah(Maa), Roslinda(Linda), Syazwani(Wanie) dan Norhafizah(Fizah) kerana telah banyak membantu pelatih dalam menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa pelatih dan insan tersayang kerana tidak jemu memberikan peransang dan semangat kepada pelatih sepanjang tempoh latihan industri ini. Hanya Allah s.w.t yang dapat membalas jasa baik mereka.

**WAN BAIZURAH BT WAN HUSIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

## ISI KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix

### **BAB SATU : LATAR BELAKANG ORGANISASI/SYARIKAT**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Tumpuan pasaran	3
1.3	Maklumat organisasi	4
1.4	Carta organisasi	6
1.5	Senarai nama kakitangan syarikat	7
1.6	Penyata korporat	11
1.7	Aktiviti organisasi	15
1.8	Syarikat di bawah kumpulan Tresco	18
	1.8.1 Tresco Shipping Sdn Bhd	19
	1.8.2 Tresco Engineering Sdn Bhd	20
	1.8.3 Amada Agencies Sdn Bhd	21
	1.8.4 Teknikargo Sdn Bhd	21
	1.8.5 Shatiara Sdn Bhd	22
1.9	Kemahiran yang ingin dipelajari oleh pelatih	23

**BAB DUA : MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, PENGENALPASTIAN  
DAN ANALISIS MASALAH, CADANGAN PENYELESAIAN  
DAN PERLAKSANAAN**

<b>2.1</b>	<b>Sistem <i>Request For Purchase</i></b>	<b>25</b>
	2.1.0 Objektif sistem	25
	2.1.1 Prosedur sistem	26
	2.1.2 Pengenalpastian dan analisis masalah	28
	i) Punca masalah	28
	ii) Kesan masalah	29
	2.1.3 Cadangan penyelesaian	29
	2.1.4 Implikasi cadangan penyelesaian	30
<b>2.2</b>	<b>Sistem kemasukan kapal</b>	<b>31</b>
	2.2.0 Objektif sistem	31
	2.2.1 Prosedur sistem	31
	2.2.2 Pengenalpastian dan analisis masalah	34
	i) Punca masalah	34
	ii) Kesan masalah	35
	2.2.3 Cadangan penyelesaian	36
	2.2.4 Implikasi cadangan penyelesaian	36
<b>2.3</b>	<b>Sistem pembayaran</b>	<b>37</b>
	2.3.0 Objektif sistem	37
	2.3.1 Prosedur sistem	38



2.3.2	Pengenalpastian dan analisis masalah	41
i)	Punca masalah	41
ii)	Kesan masalah	42
2.3.3	Cadangan penyelesaian	42
2.3.4	Implikasi cadangan penyelesaian	43
<b>BAB TIGA : PENUTUP</b>		<b>44</b>
<b>RUJUKAN</b>		<b>48</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>49</b>

## SENARAI RAJAH

### PERKARA

### MUKA SURAT

Rajah 1.1	Carta organisasi	6
Rajah 1.2	Kumpulan Tresco	18
Rajah 2.1	Carta aliran sistem <i>Request For Purchase</i>	27
Rajah 2.2	Carta aliran sistem kemasukan kapal	33
Rajah 2.3	Carta aliran sistem pembayaran	40

## SENARAI LAMPIRAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

Lampiran 1 : <i>Request For Purchase</i>	49
Lampiran 2 : Senarai dokumen kapal	50
Lampiran 3 : Laporan ketibaan kapal	51
Lampiran 4 : Permohonan kerja lebih masa pihak berkuasa	52
Lampiran 5 : <i>IMCO General Declaration</i>	53
Lampiran 6 : MSS 1	54
Lampiran 7 : MSS 2	55
Lampiran 8 : <i>General declaration</i>	56
Lampiran 9 : <i>Inward manifest</i>	57
Lampiran 10 : <i>Outward manifest</i>	58
Lampiran 11 : <i>Port disbursement</i>	59

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri adalah program yang telah diwajibkan kepada semua pelajar di bawah Fakulti Pengurusan Ekonomi, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Program Latihan Industri ini merupakan satu program yang amat baik dan penting bagi mendedahkan pelajar kepada bidang kerja yang akan diceburi setelah tamat pengajian. Pelajar juga berpeluang untuk merasai suasana bekerja yang sebenar. Sepanjang tempoh latihan industri ini berjalan iaitu selama hampir 12 minggu, pelatih telah banyak menimba pengetahuan terutama yang berkaitan dengan bidang perkapalan dan maritim. Di Tresco Shipping Sdn Bhd, pelatih telah ditempatkan di bahagian operasi namun pelatih juga diberi peluang untuk berada di bahagian-bahagian lain seperti bahagian pengurusan dan bahagian kewangan. Di bahagian operasi, pelatih dapat mempelajari tentang perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Perkhidmatan yang banyak menyumbang kepada syarikat ialah perkhidmatan sebagai agen kapal. Sebagai wakil kepada pemilik atau penyewa kapal, Tresco Shipping akan menguruskan kapal yang akan memasuki pelabuhan dan segala urusan kapal serta krew adalah di bawah tanggungjawab penolong operasi. Segala dokumen berkaitan kapal juga akan diuruskan oleh penolong operasi seperti borang AA-ZZ, *notice of readiness* dan dokumen pelepasan dari kastam bagi membolehkan kapal keluar dari pelabuhan. Pihak berkuasa pelabuhan amat mengambil berat tentang dokumen-dokumen ini agar tidak berlaku sebarang masalah di pelabuhan terutamanya *notice of readiness*. Dokumen kemasukan kapal ini perlu disediakan sebaik sahaja tarikh ketibaan kapal diketahui (ETA). Sistem pembayaran bagi perkhidmatan dan kos-kos lain adalah melalui *port disbursement* di mana segala perbelanjaan yang disenaraikan adalah merupakan anggaran perbelanjaan sahaja. Cara ini menyebabkan pelanggan tidak pasti dengan jumlah sebenar yang perlu dijelaskan. Sepanjang tempoh latihan industri ini juga, pelatih telah mengenalpasti masalah yang berlaku di bahagian pengurusan iaitu mengenai sistem *Request For Purchase*. Sistem ini memudahkan pekerja untuk membuat permintaan belian namun tempahan sesuatu belian itu dibuat setelah kehabisan stok dan telah menyebabkan kerja-kerja tertangguh. Masalah-masalah yang dikenalpasti ini perlu diselesaikan. Justeru itu, pelatih memberikan beberapa cadangan bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil penemuan yang dijalankan serta cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang timbul dan menjalani sistem kerja yang lebih efektif.